

26 FEB 2003

NAM-Pengerusi/I

PEMIMPIN NAM MENARUH HARAPAN TINGGI TERHADAP KEPIMPINAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Para pemimpin Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) meletakkan harapan yang tinggi terhadap keupayaan Malaysia sepanjang tempoh memegang jawatan selaku pengerusi untuk menjadikan pergerakan itu satu perkumpulan yang berdaya maju dan dihormati.

Beberapa pemimpin yang ditemui Bernama berkata kepimpinan NAM di bawah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah tepat pada masa negara sedang membangun berhadapan dengan banyak ketidaktentuan dan cabaran.

Mereka berkata Dr Mahathir mempunyai segala skil dan pengalaman untuk memacu pergerakan itu ke arah baru dan memberikan keutamaan kepada lebih banyak kerjasama Selatan-Selatan dan mempertingkatkan hubungan Utara-Selatan.

Perdana Menteri Papua New Guinea Sir Michael Somare berkata Dr Mahathir dan Malaysia akan memberikan impak yang besar terhadap pergerakan itu memandangkan Dr Mahathir terkenal dengan prinsipnya yang memperjuangkan kepentingan negara-negara kurang maju dan sedang membangun.

Beliau berkata Dr Mahathir sering tahu apa yang terbaik bagi Malaysia, iaitu satu sifat baik yang boleh digunakan secara efektif untuk NAM.

"Saya percaya beliau berterus terang. Beliau selalu berpegang kepada prinsip," kata beliau lagi.

Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano yang memuji sidang kemuncak itu sebagai "amat baik dan dianjurkan dengan sempurna" berkata negara anggota NAM dapat menjangkakan dorongan dan azam baru untuk bekerja secara bersama bagi menyelesaikan pelbagai masalah seperti isu berkaitan Palestin di bawah kepimpinan Malaysia.

Katanya di bawah kepimpinan Dr Mahathir dan Malaysia, pergerakan itu akan berada pada kedudukan yang baik untuk menangani isu-isu membabitkan Negara Dunia Ketiga, umpamanya kemiskinan.

"Kami faham bahawa jika kita bersatu dan teguh, kita boleh mendapatkan rakan kongsi dari luar pergerakan itu dan mengubah pandangan mereka terhadap kita," kata beliau lagi.

Presiden Vietnam Tran Duc Luong yang menyifatkan sidang kemuncak itu sebagai "kejayaan besar" berkata Vietnam akan terus memainkan peranan aktif dalam tempoh tiga tahun akan datang seperti yang telah dilakukannya sejak NAM ditubuhkan.

"Dengan kepimpinan Dr Mahathir dan Malaysia selaku pengerusi, kami percaya pergerakan ini akan terus berdaya maju dan berusaha mencapai objektifnya," katanya.

Menteri Luar Palestin Farouk Kaddumi berkata perjuangan rakyat Palestin akan mendapat lebih perhatian dan tumpuan NAM di bawah kepimpinan Malaysia.

"Isu rakyat Palestin menjadi satu daripada keutamaan di sini. Kami amat menghargai sokongan politik dan bantuan barangan yang kami terima. Dr Mahathir dan Malaysia tahu bagaimana untuk menganalisis masalah ini".

Menteri Luar Iraq Dr Naji Sabri yang menyifatkan ucapan perasmian Dr Mahathir sebagai "perlembagaan baru pergerakan" berkata Iraq mengharapkan banyak daripada Malaysia kerana peranan aktifnya dalam forum antarabangsa termasuk NAM dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Kami yakin Malaysia akan melakukan lebih banyak bagi penyuburan semula pergerakan ini dan kami berdoa kepada Tuhan agar membantu Malaysia...(kerana ini) bukannya tugas mudah terutamanya dalam keadaan sekarang," katanya.

Presiden Tanzania Amani Abeid Karume berkata Dr Mahathir merupakan seorang pemimpin yang pragmatik dan praktikal yang akan dapat menjadikan organisasi ini sebagai sebuah badan yang efektif.

"Saya percaya NAM akan berubah menjadi sebuah organisasi yang lebih baik lagi. Saya percaya beliau akan menggunakan kebijaksanaan yang beliau gunakan untuk membangunkan negara anda untuk membawa lebih banyak kejayaan kepada NAM," katanya.

Menteri Luar Maldives Fathulla Jameel berkata negaranya gembira Malaysia menjadi pengerusi NAM kerana pandangan Malaysia sentiasa positif dan konstruktif sama ada mengenai NAM atau organisasi lain.

"Saya secara peribadi berpendapat akan wujud perkembangan baru dalam NAM. Saya telah menjadi Menteri Luar selama 25 tahun dan telah menghadiri banyak mesyuarat tetapi mesyuarat di sini benar-benar mencerminkan kebolehan Malaysia. Begitu profesional," katanya.

Menteri Luar Colombia Carolina Barco Isakson berkata Dr Mahathir sebagai pemimpin yang mempunyai wawasan yang jelas akan dapat mengubah pergerakan itu menjadi sebuah badan yang efektif bagi negara-negara membangun.

Menteri Luar Mesir Fayza Aboul Naga berkata negara itu bangga bahawa Malaysia telah mengambil alih kepimpinan NAM pada ketika dunia sedang berdepan dengan keadaan ketidakpastian.

"Ini merupakan satu perkara yang baik bagi NAM kerana mendapat Malaysia sebagai pengerusinya. Saya juga ingin merakamkan penghargaan saya bagi hasrat Dr Mahathir seperti dalam ucapan beliau, untuk menjadikan penyuburan semula sebagai resipi pergerakan itu bagi tiga tahun akan datang dan seterusnya.

"Perdana Menteri telah meletakkan sasaran yang saya percaya setiap anggota akan cuba penuhi. Kami berharap Dr Mahathir dan Malaysia akan menerajui NAM ke arah penyuburan semula dan mengiatkan lagi kerjasama Selatan-Selatan," katanya

-- BERNAMA  
RV MFJ RHM